

SINAR HARIAN

21/09/2019

MIS 26, 27, 21, 22, 23

LAMAN
WACANA
PEMILIHAN

Sinar

ISLAM



KHAZANAH KEUNGGULAN ISLAM

NABI Muhammad SAW menjadi suri teladan terbaik buat umat Islam. Sikap baginda boleh dicontohi dari segenap aspek kehidupan.

Baginda SAW merupakan penghulu segala nabi dan terkenal dengan sifat zuhud yang luar biasa. Meskipun pernah ditawarkan kekayaan dunia oleh ALLAH SWT, namun baginda memilih untuk hidup zuhud dan bersederhana.

Malah, akhlak Rasulullah SAW merupakan akhlak perwujudan al-Quran. Sepanjang menjadi rasul utusan ALLAH SWT untuk menyebarkan Islam, banyak liku yang diharungi baginda.

Maka, apabila wafatnya baginda pada 12 Rabiul Awal tahun 11 Hijrah, begitu ramai yang menangi kewafatannya.

Sesungguhnya, kita sebagai umat yang tidak pernah berkesempatan hidup bersama baginda, hanya bersandarkan kepada mukjizat terbesar Rasulullah iaitu al-Quran, selain sunah yang diajarkan baginda.

Meskipun tidak berpeluang bersama baginda SAW, selawat menjadi antara cara untuk kita meluahkan rasa rindu dan kecintaan pada Rasulullah SAW.

Untuk 'mendekatkan' masyarakat kepada Rasulullah SAW, lebih 52 artifak termasuk

peninggalan baginda dipamerkan pada Pameran Artifak Rasulullah SAW dan Para Sahabat RA yang bertempat di Pusat Dagangan Dunia Putra bermula 22 Julai lalu hingga 4 Ogos ini.

Seperti kata pengurus pameran itu, Razali Bachik: "Apabila kita berada dekat di artifak Rasulullah SAW, apa yang ada di tubuh badan baginda SAW, ia ibarat kita berada dengan baginda SAW."

Ikuti sorotan beberapa artifak dan bingkisan yang disediakan hasil kunjungan *wartawan Sinar Islam, Nurul Fatimah Muah* baru-baru ini.

Selami keperibadian, perjuangan baginda

Pameran Artifak Rasulullah SAW dan Para Sahabat RA pameran lebih 52 khazanah yang tiada tolok bandingnya

DADA Selasa lalu dirasakan sangat berbeza. Hati penulis deras bergetar bagai tiada henti. Pada masa sama, perasaan sayu terus menyelubungi sanubari.

Hal-hal sebegini tidak pernah berlaku ebelum ini. Ya, sebenarnya penulis ungguh tidak sabar untuk melihat dengan mata sendiri 52 artifak peninggalan Rasulullah SAW dan para sahabat yang dipamerkan pada satu pameran khas di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC), Kuala Lumpur.

Tatkala sampai di tapak pameran, emosi penulis menjadi berlebihan. Aura dan suasana di sana begitu mencengkam emosi. Tanpa disedari, kelopak mata penulis bergenang dengan air mata. Ya ALLAH, terasa diri begitu kecil pada saat melihat segala khazanah berharga Nabi Muhammad SAW yang sempat ditinggalkan demi tatapan umat-Nya.

Secara tiba-tiba, segala historiografi Islam yang pernah dipelajari dan dihadapi menerawang dalam kotak pikiran. Perjuangan Rasulullah dan para sahabat detik demi detik dalam mempertahankan Islam begitu meragut



Al-QURAN emas Kerajaan Uthmaniyah antara khazanah berharga yang masih tersimpan rapi dan terpelihara sehingga ke saat ini.



dimamah unis. Namun, hal itu tidak

kebetulan penulis memang berminat

Perasaan.
Perang Badar, Perang Uhud, Perang Mandaq, Perang Bani Khuza'ah, Perang U'tah, Perang Tabuk dan beberapa peperangan sudah cukup membuktikan pengorbanan besar baginda dan para sahabat. Sampai menutup mata, pejuang Islam terus menegakkan syiar agama yang cukup dah ini.

Lamunan penulis tersentak apabila seorang wanita terlanggar bahu penulis dengan langkah perlahan, penulis terus melewati satu sudut yang menempatkan serban Rasulullah.

serban baginda

Bagaikan satu rezeki yang tidak diduga, penulis ditemukan dengan pengurus Pameran Artifak Rasulullah SAW dan Para Sahabat RA, Razali Achik.

Seperti kata Razali, serban baginda berusia beribu-ribu tahun lamanya. Uniknyia, ia masih kekal dalam bentuk asal. Anya warnanya sahaja sedikit udar.

Rasanya, jika beg tangan atau arangan yang diperbuat daripada fabrik atau kulit haiwan epunyaan kita, mungkin sudah lama ia reput



RAZALI

dimamah usia. Namun, hal itu tidak terjadi pada serban baginda. Rasulullah SAW mempunyai serban penutup kepala dengan ciri-ciri yang berlainan iaitu kopiah baginda diperbuat daripada kulit kayu, kain dan kulit unta.

Serban itu berwarna hitam dan hijau iaitu warna kegemaran baginda. Itu berdasarkan koleksi serban-serban Nabi Muhammad SAW. Panjang serban baginda melebihi 5 meter yang berwarna hitam dan hijau.

Setiap kali memakai mahmah (serban), baginda akan mengenakan qalasuah (kopiah). Pada masa-masa tertentu, baginda memakai qhitri (mafla atau selendang) pada bahu atau kepalanya ketika cuaca panas atau berdebu.

Serban itu diberikan kepada sahabat baginda, Mu'adz bin Jabal RA semasa beliau diperintahkan ke Palestin menyebarkan dakwah.

Busur

Langkah diteruskan dan secara langsung anak mata penulis memicing pandangan ke arah busur (panah) Rasulullah SAW yang terletak di tengah dewan di PWTC.

Tanpa berlengah, penulis mendekatinya dan ya, secara

kebetulan penulis memang berminat dengan sukan memanah.

Busur itu kata Razali, pernah digunakan digunakan baginda untuk istiadat pelepasan perang.

Dengan panjang 152 sentimeter iaitu hampir menyamai ketinggian kebanyakan orang dewasa, busur itu mempunyai lima mata anak panah yang pernah digunakan untuk tiga peperangan. Busur yang diperbuat daripada kayu Al Ayusiyah mempunyai mata yang tajam.

Diceritakan bahawa Sultan Ahmad 1 (1603 - 1617) mempunyai bekas pelindung untuk menyimpan busur tersebut. Menariknya, bekas pelindung berkenaan dihiasi dengan emas dan perak dengan tulisan yang menghuraikan tentang busur seberat 286 gram itu dan kebakaannya.

Antara busur panah milik Nabi Muhammad SAW bernama Az Safra.

Dari mana asalnya? Menurut Ahmad Syaifillah menerusi *Bogor Islamic Book Fair*: "Busur panah ini berasal daripada buluh, maka diberi nama Az Safra."

Ia dikatakan berbentuk melengkung, berwarna coklat dan sedikit lebih tinggi daripada pedang Al Ma'thur.

Az Safra disimpan di dalam kotak kaca yang sama dengan pedang Al Ma'thur kerana ia barangan kepunyaan Nabi Muhammad SAW.



SERBAN Nabi Muhammad SAW berwarna hitam dan hijau yang dipamerkan pada Pameran Artifak Rasulullah SAW dan Para Sahabat RA.

Darah bekam jadi tumpuan

Langkah kaki penulis beralih ke satu sudut lain. Penulis tertarik ke tempat itu kerana ramai yang mengemuni bekas kaca yang menempatkan artifak darah bekam Rasulullah SAW.

Jika dilihat, darah itu seolah-olah masih lagi segar biarpun beribu tahun sudah berlalu. Jelaslah bahawa darah bekam bukanlah sekadar rawatan biasa, bahkan sudah ada sejak zaman Rasulullah lagi. Malah, baginda SAW sendiri juga melakukan bekam.

Dalam sebuah hadis Rasulullah SAW, baginda bersabda: "Tidaklah aku melawati sekumpulan malaikat pada malam aku diisra'kan, melainkan mereka (para malaikat) semua mengatakan kepadaku: "Wahai Muhammad, engkau

PAMERAN Artifak Rasulullah SAW dan Para Sahabat RA


Rambut dan janggut Rasulullah SAW

- Para sahabat akan mengumpul janggut dan rambut Rasulullah SAW yang telah dipotong lalu diberikan kepada Abu Talhaal. Janggut itu dibahagikan kepada sahabat yang sudah sedia menunggu semasa haji perpisahan.



Bekas air zamzam Rasulullah SAW

- Berasal dari China, bekas air zamzam itu diperbuat daripada tanah liat antibasi dan antiracun semasa zaman Dinasti Song. Menariknya, bekas itu memang dibuat khas untuk mencegah keracunan. Ia merupakan salah satu daripada lima bekas air zamzam baginda SAW.



Tapak kaki Rasulullah SAW

- Dalam kitab Mawahib Alladunia (Rahmat Ilahi), Imam Kastalani menyatakan bahawa: "Apabila Nabi Muhammad SAW di atas batu, kakinya akan tenggelam di dalam dan meninggalkan cetakan kesan."



Cop mohor baginda Rasulullah SAW

- Ia berukuran 9 sentimeter (cm) x 3cm panjang dan diperbuat daripada perak serta tembaga. Tertera perkataan 'Muhammad, Rasul ALLAH' terukir di atasnya dalam bentuk kufi. Cop itu adalah daripada perak yang dipakai seperti cincin.



Capal baginda SAW

- Diriwatikan dalam hadis Rasulullah SAW bahawa Qatadah bertanya kepada Anas bin Malik tentang...



Kunci makam Ashabul Kahfi

- Kisah Ashabul Kahfi begitu masyhur dan ada dicatatkan di dalam al-Quran menerusi Surah al-Kahfi, ayat 9-26. Ia kisah benar tentang tujuh orang...



INILAH kain penutup makam baginda yang diperbuat daripada kain sutera. Difahamkan kali terakhir ditukar pada tahun 1971 Masihi.

harus berbekam." (Riwayat Tirmizi)

Selain itu, dalam satu hadis yang lain, baginda SAW bersabda: "Kesembuhan dapat diperoleh dengan tiga cara, pertama dengan meminum madu (dengan ubat herbal). Kedua, dengan berbekam dan ketiga dengan (terapi) besi panas dan aku tidak menganjurkan umatnya untuk melakukan pengubatan dengan besi panas." (Riwayat al-Bukhari). Sesungguhnya, begitu banyak manfaat jika kita berbekam.

Menurut seorang kurator yang mengiringi penulis, Fatimah Dzulkfle, ada satu kisah daripada Malik bin Sinan iaitu ayah kepada Abu Al Khudri menelan darah Rasulullah SAW yang keluar daripada luka baginda SAW.

Jelas beliau, peristiwa itu berlaku ketika Perang Uhud. Ketika itu, beliau menyedut darah Nabi Muhammad SAW lalu baginda bersabda supaya Malik bin Sinan meludahkannya.

"Namun, Malik bin Sinan tidak sampai hati untuk berbuat demikian dan beliau kembali ke medan peperangan," ujarnya.

Baginda SAW kemudian berkata: "Barang siapa yang ingin melihat seseorang penduduk dari syurga, hendaklah ia melihat orang ini."

Malik bin Sinan kemudiannya mati syahid. Cerita itu benar-benar menjentik hati penulis. Betapa sayangnya Malik bin...



DARAH bekam Rasulullah SAW antara yang artifak yang paling menjadi perhatian sepanjang pameran.

hati penulis. Betapa sayangnya Malik bin Sinan pada Rasulullah SAW sehingga sanggup menelan darah baginda.

Kain penutup makam baginda

Selepas lebih sejam mengamati setiap inci artifak yang dipamerkan, penulis mengarah ke satu lokasi yang kelihatan agak tertutup. Di situlah terletak kain penutup makam Rasulullah SAW.

Perasaan sayu terus menjengah sanubari. Dengan penuh ketelitian, penulis melihat kain tenunan yang diperbuat daripada kain sutera murni dimahkotai oleh sabuk yang menyerupai penutup Kaabah.

Satu perempat bahagian daripada kain tertulis ayat-ayat ALLAH yang mulia iaitu daripada Surah al-Fath. Ia dibuat daripada garis kapas dan benang emas serta perak.

Omar al-Midwahy menyebut bahawa penutup ruangan makam baginda Nabi Muhammad SAW tidak seperti penutup Kaabah yang saban tahun harus diganti. Ini kerana penutup makam baginda terletak di dalam ruangan tertutup dan tidak pernah disentuh oleh sesiapa pun.

Penulis dimaklumkan, kali terakhir ia ditukar pada tahun 1971 Masihi dan ada

riwayat mengatakan bahawa ia biasanya diganti selepas 100 tahun sekali.

Menurut taksiran, ruang makam Rasulullah SAW itu sekitar 48 meter persegi dengan ketinggian lebih kurang 11 meter.

Sesungguhnya, kunjungan penulis lebih sejam melihat artifak-artifak Rasulullah dan para sahabat membuatkan penulis terasa terasa begitu 'dekat' dengan baginda.

Meskipun hanya barang peninggalan, namun ia satu khazanah yang begitu berharga untuk kita sebagai umat Islam menyoroti historiografi Rasulullah SAW dan keperibadian baginda.

Jadi, penulis sarankan kepada pembaca yang masih masih belum berkesempatan, ayuh beramai-ramai ke pameran berkenaan yang berakhir Ahad ini. Tidak rugi berbuat demikian kerana ia merupakan manifestasi keunggulan Islam. Sentiasalah kita mengingati berselawat ke atas baginda.

"Sesungguhnya ALLAH dan Malaikat-malaikat-Nya berselawat untuk Nabi. Wahai orang-orang yang beriman, berselawatlah kalian untuk Nabi dan ucapkanlah salam penghormatan kepadanya." (Surah Al-Ahzaab, ayat 56)

kepada Anas bin Malik tentang bentuk capal baginda. Anas mengatakan, capal Rasulullah SAW menggunakan dua buah qibal (pelana capal) iaitu batas depan capal berupa tali yang diletakkan antara dua jari kaki.



Tongkat baginda SAW

- Tongkat yang amat disukai Rasulullah SAW ialah tongkat bernama Al Saaja iaitu tongkat peninggalan daripada Nabi Ibrahim AS dan tongkat daripada kayu Al Ayusiah serta tongkat daripada kayu luz putih.

kisah benar tentang tujuh orang pemuda yang tertidur di dalam gua. Diceritakan kisah beberapa pemuda beriman yang telah melarikan diri ke sebuah gua dan bagaimana ALLAH menidurkan mereka selama 309 tahun.



Pedang Amr Al'Aas RA

- Beliau merupakan salah seorang sahabat baginda SAW yang dilantik sebagai panglima perang Islam sebanyak 12 kali. Amr Al'Aas merupakan panglima dalam angkatan barisan hadapan dan menjadi gabenor yang akhirnya pendakwah di sana.